

06 AUG 1996

Medalion

ISTERI PERDANA MENTERI LANCAR MEDALION

KUALA LUMPUR, 6 Ogos (Bernama) -- Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali hari ini melancarkan medalion kenang-kenangan Perdana Menteri sebagai mengenang jasa pemimpin-pemimpin negara.

Medalion diperbuat dari emas dan perak itu menggambarkan wajah tiga bekas Perdana Menteri iaitu Allahyarham Tunku Abdul Rahman, Allahyarham Tun Abdul Razak dan Allahyarham Tun Hussein Onn dan Perdana Menteri sekarang, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Medalion ini dikeluarkan oleh Syarikat Mariwasa Kraftangan Sdn. Bhd, anak syarikat Boustead Holdings Berhad yang terlibat dalam pembuatan perhiasan logam bermutu tinggi serta pewter.

Dalam ucapannya Siti Hasmah berkata medalion ini merupakan satu cara bagi generasi sekarang mengenali pemimpin-pemimpin negara yang berjasa besar kepada pembangunan negara.

"Ianya juga merupakan satu langkah simbolik yang memberi erti kepada rakyat mengingati peranan yang dimainkan oleh pemimpin-pemimpin ini," katanya.

Beliau berkata langkah memperkenalkan medalion ini juga bertepatan masa dengan negara akan menyambut ulang tahun ke-39 kemerdekaan, yang membolehkan rakyat menyingkap kembali sejarah pemimpin-pemimpin ini dalam memperjuangkan kemerdekaan.

Pada majlis itu, Siti Hasmah yang juga Pengerusi Badan Kebajikan Isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri (BAKTI) menerima sumbangan RM30,000 daripada pengerusi Boustead Holdings Berhad Jen (B) Tan Sri Ghazali Che Mat.

Beliau turut menyampaikan medalion itu kepada anak Tunku, Datin Paduka Tunku Khadijah, balu Tun Razak Tun Hajah Rahah Mohd Noh dan balu Tun Hussein, Tun Suhaila Mohd Noh.

Ghazali dalam ucapannya berkata medalion itu dikeluarkan bagi mengenang jasa Perdana Menteri Malaysia yang setiap seorang telah memberi sumbangan yang bermakna kepada negara dan membawa Malaysia ke mercu kejayaan.

Menurutnya 10 peratus daripada keuntungan yang diperolehi daripada jualan medalion itu akan disumbangkan kepada Persatuan Bekas Perajurit Malaysia.

Medalion emas berharga RM5,500 dan perak RM450 itu dijual mulai hari ini.

Yang turut hadir ialah Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abang Abu Bakar Abang Mustapha, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Abu Bakar Daud dan duta-duta asing. -- BERNAMA

RV MAI